

**TEKS UCAPAN PENGARAH
PROGRAM MAJLIS PENYERAHAN ZAKAT DAN BAKUL
KASIH RAMADAN
SEMPENA PROGRAM MUAFAKAT KAMPUS 3.0**

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera

Salam Malaysia Madani

Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia Menggamit
Dunia

Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat

Melaka Sayang Rakyat.

Yang Berusaha Puan Faridatuljana binti Moohd Noor

Timbalan Pengarah (Akademik)

Yang Berusaha Ts. Zan Aizuwan bin Zainal Abidin

Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik)

Yang Berusaha Encik Ahmad Syukri bin Mohamed Yunus

Ketua Jabatan Hal Ehwal Pembangunan Pelajar

Yang Berusaha Ustaz Dr. Haji Mohamad Faisal Bin Ahmad

Pengarah Program merangkap Ketua Jabatan Pengajian Am

Barisan Ketua Jabatan,

Ketua-Ketua Unit,

Ketua-Ketua Kluster,

Ahli Jawatankuasa,

Pegawai-pegawai,

Serta barisan kakitangan dan pelajar yang saya kasihi
sekalian.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dapat bersama-sama dalam **Majlis Penyerahan Zakat dan Bakul Kasih Ramadan bersempena dengan Program Muafakat Sekampus 3.0** yang menghimpunkan warga kampus dalam suasana Ramadan yang penuh rahmah dan kebersamaan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Seiring dengan semangat Ramadan yang menggalakkan kita untuk memperbanyakkan amalan kebajikan, pada petang ini juga akan diadakan penyampaian zakat dan sumbangan kepada golongan yang memerlukan dalam kalangan warga PMM.

Tak lupa juga kepada yang diraikan iaitu bakal-bakal penerima sumbangan daripada kalangan kakitangan dan pelajar PMM:

- i. Penyerahan Zakat Wakalah daripada Tabung Haji berjumlah RM 30,000.00 kepada 100 orang pelajar PMM yang layak,

- ii. Manakala Zakat Wakalah daripada Pusat Zakat Melaka untuk diberikan kepada asnaf fi sabilillah berjumlah 40,301.66 di mana RM 25,000.00 kepada Jabatan HEP diberikan kepada 130 orang pelajar, RM 5,000.00 kepada Masjid As-Syujaah dan RM 5,000.00 kepada Pusat Islam bagi membantu meringankan beban dan menyokong keperluan mereka sepanjang pengajian.
- iii. Penyerahan Zakat Wakalah daripada PHB Asset Management Berhad dalam Bentuk unit pelaburan Amanah Hartanah Bumiputera berjumlah RM 80,000.00 kepada 400 orang pelajar PMM kategori asnaf fakir miskin.
- iv. Penyerahan Zakat Koperasi berjumlah RM 22,000.00 kepada 110 orang pelajar.
- v. Sumbangan Bakul Kasih Ramadan Pembersihan berjumlah RM 3,250.00 kepada 65 orang staf pembersihan PMM, dan Bakul Kasih Puspanita

kepada 55 orang tajaan Puspanita khas kepada warga kakitangan PMM berjumlah RM 2,500.00.

- vi. Setinggi-tinggi penghargaan juga saya ucapkan buat semua pihak penaja utama dalam Program Muafakat Sekampus 3.0 ini termasuklah Kelab Sukan Kebajikan (KSK) iaitu RM 4,160.00, pihak PUSPANITA sebanyak RM 1,500.00, pihak Koperasi sebanyak RM 500.00 manakala Infaq Iftar di Pusat Islam berjumlah RM 13,102.50.
- vii. Jumlah keseluruhan sumbangan Zakat, Infaq dan Bakul Kasih Ramadan adalah sebanyak **RM 197,314.16.**

Saya berharap agar bantuan yang disampaikan ini dapat memberi sedikit kelegaan dan kegembiraan kepada para penerima, serta menjadi pemangkin semangat untuk terus melangkah maju.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua pihak yang telah bertungkus-lumus menjayakan majlis ini. Semoga segala usaha dan sumbangan kita pada hari ini diterima sebagai amal kebajikan yang diberkati oleh Allah SWT.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.